

Kenal pasti 3 masalah utama

Pelaksanaan Face pastikan institusi keluarga di Johor terus sejahtera

MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI

Kajian indeks kesejahteraan keluarga negeri Johor berjaya mengenal pasti tiga masalah utama dihadapi keluarga sepanjang tahun lalu.

Perkara tersebut termasuklah masalah dalam hal pengurusan ekonomi, pendidikan anak dan masalah sosial anak remaja.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Asiah Md

Ariff berkata, melalui pelaksanaan program perkhidmatan keluarga dan komuniti (Face) penting bagi memastikan institusi keluarga di negeri Johor terus sejahtera.

"Keutamaan ini dapat dilihat berdasarkan komitmen kerajaan dalam rancangan Dekad Baharu Johor yang mengangkat kepentingan institusi keluarga menerusi memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera.

"Berdasarkan hasil kajian indeks kesejahteraan keluarga negeri Johor yang dijalankan pada 2017, mendapati tiga masalah utama yang dihadapi adalah masalah pengurusan ekonomi, pendidikan anak, dan masalah sosial anak remaja.

"Oleh itu, dalam mengharungi cabaran yang wujud, keluarga yang mampu untuk berfungsi dengan baik akan dapat memastikan ke-



Asiah (tiga, kanan) melihat hasil kajian UTHM sebagai kumpulan pengkaji yang dilantik bagi IKKNJ.

sejahteraan keluarga mereka terus terpelihara. Namun, sebaliknya keluarga yang gagal menjalankan fungsinya akan terdedah kepada kepingangan yang pelbagai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Face dan Pelancaran

Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita Bagi Peringkat Negeri Johor 2018, semalam.

Beliau berkata, Felda Air Tawar 2 yang dipilih sebagai tiga model komuniti yang diukur bagi Indeks Kesejahteraan Keluarga

Negeri Johor (IKKNJ) dalam negeri ini berjaya mendapat skor 7.64 daripada skor maksimum 10.

"Daripada tujuh domain, empat yang terendah adalah domain ekonomi dengan skor 6.23, domain kesihatan 7.40 dan domain keselamatan

info

● 3 masalah utama ialah pengurusan ekonomi, pendidikan anak dan sosial anak remaja

7.47, domain keakraban keluarga 7.53.

"Satu yang menarik hasil analisis adalah domain pendidikan, hubungan komuniti dan kerohanian menunjukkan dapatan tertinggi melebihi 8 daripada 10," katanya.

Terdahulu, program Face dilaksanakan melalui kaedah mengenal pasti keperluan setempat dan tahap kesejahteraan keluarga di komuniti yang dipilih dengan pelaksanaan IKKNJ.

Di mana kajian dilaksanakan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) sebagai kumpulan pengkaji yang dilantik.